



KEMENTERIAN PENGANGKUTAN
AGENCI PENGANGKUTAN AWAM DARAT

SIARAN MEDIA AGENCI PENGANGKUTAN AWAM DARAT

APAD: MAKLUMBALAS TERHADAP ISU YANG DIBANGKITKAN OLEH PERSATUAN BAS EKSPRES

1. Agensi Pengangkutan Awam Darat (APAD) merujuk kepada rintihan pengusaha bas ekspres yang mendakwa berlakunya kekeliruan berkenaan kategori dan spesifikasi kelas ekonomi dan eksekutif yang diramal memberi kesan terhadap jangka hayat industri bas ekspres.
2. Kementerian Pengangkutan melalui APAD prihatin dengan isu yang dibangkitkan dan mengambil maklum rungutan pengusaha bas ekspres yang terbeban dengan situasi ini. Beberapa sesi libat urus dibuat sejak tahun 2019 bersama dengan Persatuan-persatuan bas ekspres telah diadakan bagi membincangkan isu-isu pengoperasian bas ekspres termasuklah isu kategori dan spesifikasi kelas bas ekspres.
3. Berdasarkan maklum balas daripada sesi-sesi yang telah diadakan dan atas persetujuan bersama, pihak APAD telah melaksanakan beberapa tindakan bagi menyelesaikan isu yang dibangkitkan melalui:
 - a. Pembangunan Peraturan-Peraturan Pengangkutan Awam Darat (Penetapan kategori Perkhidmatan Bas Ekspres) 2022 dan diwartakan pada 9 Jun 2022 bagi pindaan spesifikasi perkhidmatan bas ekspres mengikut kelas perkhidmatan. Bagi tujuan familiariasi kepada pemain industri, APAD memberi tempoh peralihan 1 tahun dari tarikh surat pemakluman kepada pihak industri bertarikh 5 Ogos 2022. **Malahan, tempoh familiariasi turut dilanjutkan bagi memberi peluang kepada lebih ramai ahli-ahli persatuan dan bukan ahli persatuan untuk memohon.**
 - b. Pada masa ini, mana-mana pengendali bas ekspres bertanggungjawab mengemukakan permohonan perubahan jenis perkhidmatan dan jadual tambang ke semua kaunter di Pejabat Wilayah/Cawangan APAD.
 - c. Dijelaskan bahawa, mana-mana permohonan yang telah diluluskan, jadual tambang terkini akan dikeluarkan mengikut jenis perkhidmatan sama ada Ekonomi atau Eksekutif untuk dipatuhi oleh pengusaha.
4. Di bawah peraturan semasa, terdapat dua jenis kategori perkhidmatan bas ekspres iaitu ekonomi dan eksekutif di mana kadar tambang bagi kategori ekonomi dikawal selia dan ditetapkan oleh pihak Kerajaan manakala kadar tambang eksekutif adalah berdasarkan penawaran dan permintaan. **Ketetapan harga tambang bas ekspres adalah berdasarkan jadual tambang di mana Kerajaan menetapkan kadar tambang lantai bagi perkhidmatan bas ekspres jenis Eksekutif (RM0.15 per kilometer) dan kadar tambang siling bagi perkhidmatan bas ekspres jenis Ekonomi (RM0.093 per kilometer).** Berdasarkan ketetapan ini, pihak syarikat bas ekspres bertanggungjawab untuk mengenakan tambang yang bersesuaian dengan jenis perkhidmatan yang ditawarkan dan tidak mengenakan kadar tambang yang tidak munasabah sehingga membebankan penumpang.

www.apad.gov.my



KEMENTERIAN PENGANGKUTAN
AGENSI PENGANGKUTAN AWAM DARAT

5. Rasional pelanjutan tempoh moratorium ini adalah bagi mengimbangi antara keperluan rakyat dan kehendak industri bagi memastikan kelestarian perkhidmatan bas ekspres yang menjadi nadi perhubungan antara bandar dengan luar bandar. Lanjutan daripada itu, pengendali-pengendali bas ekspres boleh merancang pelan operasi dan penjualan harga tiket bas ekspres secara dinamik dan kompetitif mengikut permintaan semasa seperti waktu puncak dan bukan puncak. Ini secara tidak langsung, pihak pengusaha boleh memanfaatkan peluang menambah baik perkhidmatan mengikut model perniagaan masing-masing. Ini bagi memastikan pengusaha bas ekspres kekal relevan dan bertahan dalam industri pengangkutan.
6. Rakyat pula mempunyai kuasa membeli berdasarkan tawaran perkhidmatan yang disediakan, seterusnya dapat menikmati faedah yang merangkumi aspek keselesaan tempat duduk, kemudahan sosial semasa menggunakan perkhidmatan dan hospitaliti daripada pihak pengusaha.
7. Akhirnya, APAD berpandangan kelestarian industri bas ekspres akan terus bercambah sekiranya pengusaha sentiasa kekal konsisten memberikan perkhidmatan yang berkualiti .APAD sentiasa menghargai peranan dan sumbangan industri perkhidmatan bas ekspres dalam memastikan perhubungan rakyat. APAD sentiasa terbuka dalam sebarang bentuk perbincangan dalam usaha meningkatkan mutu perkhidmatan pengangkutan awam darat kepada rakyat.

TAMAT.

**AGENSI PENGANGKUTAN AWAM DARAT (APAD)
KEMENTERIAN PENGANGKUTAN MALAYSIA
30 JANUARI 2024**